



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU

PEKELILING TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

Bilangan 02 Tahun 2018

PENGURUSAN HAL EHWAL PEPERIKSAAN AKHIR JUN-JULAI 2018

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi pemakluman dan peringatan kepada semua pensyarah berhubung hal ehwal peperiksaan seperti penyerahan markah penilaian berterusan, *rawscore* dan senarai validasi, mesyuarat peperiksaan Pra JAN serta tarikh-tarikh penting aktiviti peperiksaan akhir.

LATAR BELAKANG

2. "Penilaian" merujuk kepada pengukuran terhadap pencapaian pelajar sama ada dalam bentuk ujian bertulis, kerja-kerja makmal, bengkel, studio, medan, teknikal, projek, latihan ilmiah, latihan amali, latihan industri, praktikum, klinikal dan sebagainya (Glosari Istilah Peperiksaan dan Penilaian Pelajar UiTM, 2013).
3. **Pencapaian penilaian berterusan mesti dimaklumkan kepada pelajar** untuk tujuan penambahbaikan prestasi dimana ianya boleh dijadikan panduan kepada mereka dalam usaha meningkatkan pencapaian di dalam peperiksaan akhir.
4. Tarikh-tarikh penting aktiviti peperiksaan akhir adalah merujuk kepada Jadual Aktiviti Pengurusan Akademik yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik sebagai garis panduan dan tindakan para pensyarah dan pentadbir HEA.

